

# THE TITAN

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

# EMPAYAR AI LYQAIRY

JUTAWAN BUKAN DENGAN PRODUK SENDIRI

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

18 DISEMBER 2022 | BIL: 38  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

*Industry View*

INDUSTRI  
PELANCONGAN  
ISLAM



# LEPAS JAWATAN ‘KUKUH’ SEBAGAI GURU DAN PEGUAM DEMI BISNES

Pasangan suami isteri, Mts Qairy Maheran dan Aily Aainaa Aisha Mohd. Ali yang mengasaskan Empayar AilyQairy sanggup melepaskan jawatan ‘kukuh’ sebagai guru dan peguam demi merealisasikan minat kedua-duanya untuk bermula.

Meskipun memiliki kerjaya menjamin masa depan, bidang perniagaan sudah lama menjadi minat mereka.

“Kami berdua memang minat bermula. Tetapi, awalnya hanya lakukan secara sambilan memandangkan kami ada kerjaya masing-masing ketika itu.

“Lagipun, kerjaya itu adalah impian keluarga yang perlu kami tunaikan. Ibu mahu saya menjadi guru manakala keluarga Aily pula mahu dia jadi peguam.

“Dek minat yang mendalam untuk bermula, kami buktikan boleh berjaya dalam perniagaan walaupun terikat dengan kerjaya. Alhamdulillah kami sudah pun tunaikan impian keluarga dan kini mendapat restu pula untuk teruskan cita-cita sebagai usahawan,” kata Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Empayar AilyQairy Sdn. Bhd., Qairy.

## FOUNDER TIADA VISI DAN MISI

Mengimbau perjalanan dalam dunia perniagaan, Qairy nekad untuk memulakan perniagaan dalam talian pada 2013 bersama isterinya.

“Masih ingat lagi pada masa itu, saya ambil keputusan berhenti kerja dan jadi stokis kepada satu produk. Dari sinilah detik perjalanan perniagaan saya bermula dan berdepan pelbagai cabaran.

“Saya sentiasa sibuk melayan kiriman balas pesanan pelanggan, tersilap menghantar barang dan juga menghadapi masalah pembungkusan,” katanya.

Masalah beliau tidak terhenti setakat itu, Qairy pernah berdepan masalah dengan seorang founder satu jenama yang agak terkenal.

“Kami pernah bernaung di bawah satu founder yang tidak ada misi dan visi yang jelas dalam perniagaan. Sebagai stokis dan ejen di bawahnya, kami dibiarkan terkontang-kanting walaupun ketika produk baru dilancarkan.

“Sehingga tahap, kesabaran kami teruji apabila founder itu melanggar perjanjian kontrak menyebabkan rugi sehingga RM300,000. Itu



belum lagi termasuk ganjaran lain yang pernah dijanjikan seperti tiket mengerjakan umrah VVIP, bercuti ke Australia dan tujuh tiket penerbangan lain untuk team, tidak ditunaikan. Saya masih simpan lagi bukti replika cek anugerah itu sebagai bukti,” kongsinya.

## MAHU HASIL PRODUK SENDIRI?

Situasi tersebut membuatkan beliau dan isteri terfikir untuk menghasilkan produk di bawah jenama sendiri sekali gus mendapat hasil keuntungan lebih banyak.

“Kami berdua pergi dari satu kilang ke satunya kilang untuk melihat dan belajar proses penghasilan produk sendiri.

“Bagaimanapun, barulah kami tahu untuk mengeluarkan produk bukanlah sesuatu yang mudah. Banyak perkara perlu diteliti terutama daripada aspek pengeluaran dan kualiti perlu sentiasa berada pada tahap terbaik,” ujarnya.

Menyedari bahawa beliau dan isterinya semakin memahami tentang produk yang sesuai untuk dipasarkan, mereka membuat keputusan untuk fokus kepada penjualan produk selebriti.

## TOLAK CADANGAN ISTERI

Pernah menolak cadangan isteri agar mengikuti kelas bimbingan keusahawanan akibat mengalami kekecewaan dan kesukaran menjalankan perniagaan.

Namun bekas guru yang berkhidmat selama 18 tahun itu merasakan sudah cukup ilmu dan enggan menghadiri kelas berkenaan.

“Wife paksa saya untuk pergi kelas pertama namun saya tak nak pergi kerana percaya sudah cukup ilmu dan sudah ada team.

“Bila berlaku insiden, baru cari RichWorks untuk lihat apa kami buat silap dan perlu betulkan,” tegas Qairy.



Tak mahu tersalah langkah dan mengulangi pelbagai kesilapan lalu, Qairy tekad untuk menuntut ilmu perniagaan.

"Kalau dulu semua benda saya buat, ambil barang, ambil stok, reka bentuk dan buat live bertukar bila ubah diri ikut tunjuk ajar yang diberikan Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman dan RichWorks.

"Kami mendaftarkan diri dalam seminar pertama anjuran RichWorks iaitu Millionaire Marketing Mastery (MMM) pada 2019. Masa itu kami berada pada zaman kemerosotan," jelasnya.

## HADIAH HARI ULANG TAHUN

Melihat perkembangan positif dan luar biasa perniagaannya, Qairy tekad untuk menyertai program mentoring Titanium.

"Ada duit tak ada duit, nak wife beri hadiah hari ulang tahun saya join kelas Titan. Saya berterima kasih dengan isteri saya dan RichWorks adalah

“

**ADA DUIT TAK ADA DUIT,  
NAK WIFE BERI HADIAH  
HARI ULANG TAHUN SAYA  
JOIN KELAS TITAN. SAYA  
BERTERIMA KASIH DENGAN  
ISTERI SAYA DAN RICHWORKS  
ADALAH PENYELAMAT  
KAMI KETIKA ITU”.**

penyelamat kami ketika itu.

"Masuk dalam RichWorks, Dr. Azizan kata buat pembahagian kerja, kepimpinan mesti dibetulkan. Alhamdulillah, dengan pembetulan itu daripada 3 orang kini kami ada 24 pekerja. Daripada satu bahagian, dah ada sumber manusia, IT dan operasi," jelasnya lagi.

Katanya, kejayaannya itu sukar dicapai tanpa bimbingan dan tunjuk ajar betul Azizan dan RichWorks.

## BIMBING USAHAWAN BBNU

Berdasarkan pengalaman dan jatuh bangun dalam dunia perniagaan, kini Empayar AilyQairy turut menawarkan bimbingan usahawan terutama 'Budak Baru Nak Up' (BBNU) menjalankan bisnes online dengan betul hingga bergelar jutawan walau hanya menjual produk orang lain.

Jelasnya, memulakan perniagaan dengan produk



sendiri memerlukan modal besar dan tidak semua orang mampu berdepan risiko kerugian jika produk gagal di pasaran.

Maka, menjadi pengedar, stokis, ejen jualan atau dropship adalah antara penyelesaian untuk menjana pendapatan menerusi komisen dan keuntungan sekiranya produk berjaya dijual.

"Risikonya tidak sebesar pengeluar produk yang perlu memikirkan kos pengeluaran, pembuatan, strategi pemasaran dan risiko barang laku atau tidak mendapat sambutan.

"Ada yang menganggap menjual produk orang lain dengan mendapat sedikit keuntungan tidak mampu membuat seseorang itu kaya dan mengaut keuntungan besar," jelasnya lagi.





## PENCAPAIAN

Pada 2018, Empayar AilyQairy membuka butik di Batu Pahat, Johor untuk mengukuhkan kedudukan dan jenamanya dalam pasaran tempatan dan memberikan kemudahan kepada pelanggan bagi mendapatkan produk daripada pelbagai jenama terkenal.

"Butik ini menempatkan lebih lima jenama, menyediakan pakaian, produk kecantikan, makanan dan minuman serta kesihatan.

"Sebelum ini, kami menjalankan perniagaan secara online serta mempunyai stokis dan ejen. Kehadiran butik ini memudahkan urus niaga kami terutama di bandar kecil," ujarnya.

Pada 2020, syarikatnya meraih jualan RM10.2 juta dan meningkat kepada RM16 juta pada 2021. Seterusnya untuk 2022, beliau

menyasarkan jualan sebanyak RM36 juta.

"Bila bisnes berkembang, kami menjadi pengasas bersama Markaz Tijaari bersama pengacara dan usahawan, Noor Neelofa dan Muhammad Haris Mohd. Ismail serta pengasas bersama Babypian by Sufian Suhaimi.

"Sasaran kami tahun ini ialah melahirkan 16 orang jutawan di bawah entiti kami iaitu ButikKosmetik.com, Markaz Tijaari dan Nunha," kongsinya lagi.

Setakat ini, pasukannya terdiri daripada 35 stokis, 600 ejen dan lebih 1,000 dropship.

Bagi yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut menerusi laman sesawang rasmi [butikkosmetik.com](http://butikkosmetik.com).

# 3

## NASIHAT

Mts Qairy Maheran

**PERTAMA**, perbaiki kesilapan.

"Usahawan yang mahu berjaya perlu berusaha memperbetulkan kesilapan mereka," katanya.


**KEDUA**, tiada istilah tidak boleh atau lambat memulakan perniagaan.

"Tiada istilah tidak boleh dalam memulakan perniagaan. Walaupun lambat, apa yang penting bertindak dan cari RichWorks untuk meningkatkan ilmu kerana Azizan telah melahirkan ramai usahawan yang berjaya," jelasnya.

**KETIGA**, bermula dengan produk orang lain juga boleh berjaya menjana pendapatan.

"Tidak semestinya perlu menjadi pengasas produk atau mengeluarkan barang sendiri untuk berjaya dalam perniagaan," nasihatnya kepada yang baru berjinak-jinak dalam dunia perniagaan. T





# INDUSTRI PELANCONGAN ISLAM

Kira-kira 1.6 billion penduduk Islam daripada lebih 50 buah negara di dunia merupakan potensi pasaran yang sangat besar dalam industri pelancongan.

Menurut statistik dilaporkan Ekonomi Islam Global 2014/2015, umat Islam membelanjakan kira-kira USD140 bilion untuk perjalanan dan pelancongan pada 2015 sahaja.

Ini membuktikan bahawa industri pelancongan Islam mampu menjana ekonomi negara.

Malaysia yang terkenal dengan kewujudan masyarakat pelbagai etnik dan budaya bersandarkan majoritinya beragama Islam menjadikan faktor penting dalam mempromosi industri pelancongan Islam.

## PELANCONGAN ISLAM

Allah SWT mencipta alam ini adalah untuk kegunaan manusia. Manusia boleh meneroka, menyiasat dan membangunkan alam untuk faedah kehidupan di dunia.

Bagaimanapun, penerokaan, penyiasatan dan pembangunan alam ini lebih bermakna jika dilakukan mengikut garis panduan yang ada dalam Islam.

Pengertian melancong dalam Islam mempunyai perspektif yang luas dan boleh diungkapkan dengan pelbagai istilah.

Beberapa kategori boleh disandarkan kepada pelancongan dalam Islam iaitu Musafir, Ziarah, Rehlah dan Siyahah.



Istilah ini merangkumi tujuan pelancongan seperti urusan perniagaan, menuntut ilmu, berdakwah, melihat kejadian alam, mendapat maklumat dan iktibar, kesihatan, rekreasi, silaturrahim serta berlindung daripada ancaman serta perubahan sikap untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Pelancongan Islam tidak hanya terhad kepada pelancongan berbentuk motivasi agama semata-mata tetapi merangkumi semua bentuk pelancongan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam.

Nilai Islam yang dimaksudkan adalah tidak melakukan perkara yang bercanggah dengan agama Islam seperti zina, hiburan berlebihan dan meninggalkan solat.

## POTENSI MALAYSIA

Malaysia mempunyai potensi yang cukup besar ke arah mempromosi pelancongan Islam.

Malaysia merupakan antara negara yang paling aktif di rantau Asia Tenggara dalam mencari peluang untuk membangunkan pelancongan Islam diikuti dengan Singapura.

Memetik laporan Berita Harian pada Oktober 2021, industri pelancongan Islam mampu menjana hasil lebih tinggi kepada negara kerana sektornya lebih luas berbanding industri pelancongan domestik.

Menurut Ketua Pengarah Pusat Pelancongan Islamik (ITC), Datuk Dr. Mohmed Razip Hasan, industri pelancongan Islam berkait rapat dengan industri halal dan memberi peluang yang lebih besar kepada negara.

Dalam pada itu, ITC dimaklumkan jumlah pasaran industri pelancongan Islam mampu mencecah sehingga RM10 billion kerana saiz pasarannya agak besar dan meluas.

Di Asean sendiri ada lebih 250 juta penduduk muslim dan kelompok ini besar yang secara tidak langsung memberi gambaran bahawa ia adalah satu potensi besar kepada negara.

## PELANCONGAN MESRA MUSLIM

Malaysia menduduki tempat pertama dalam menyokong ekonomi Islam global bernilai trilion dolar, termasuk bagi sektor Pelancongan mesra Muslim (MFT).

Ia berdasarkan Laporan Ekonomi Negara Islam Global (SGIE) 2022 dikeluarkan firma penyelidikan strategik antarabangsa DinarStandard, yang mengukur prestasi terbaik sesebuah negara dalam menangani peluang pembangunan ekonomi Islam.

Pusat Pelancongan Islam (ITC) mengumumkan Malaysia kekal di tempat pertama dalam ranking keseluruhan untuk tahun kesembilan berturut-turut, diikuti Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Indonesia.

SGIE menganugerahkan Malaysia kedudukan pertama dalam empat daripada enam sektor iaitu MFT, Kewangan Islam, Makanan Halal, Media dan Rekreasi, manakala bagi kategori Kosmetik dan Farmaseutikal dan ‘Fesyen Sederhana’ masing-masing di kedudukan kedua dan kesembilan.

Meninjau dari perspektif MFT, Malaysia tersenarai dalam lima negara terbaik untuk destinasi pelancongan mesra Muslim selain Turki, Arab Saudi, UAE dan Iran.

Kekuatan Malaysia dalam bidang ini kerana

kemudahan perjalanan dan kesedaran orang ramai.

## JENAMA TARIK PERHATIAN

Di Malaysia, produk pelancongan Islam memang telah wujud sejak sekian lama, cuma tidak dilabelkan atau dijenamakan sebagai pelancongan Islam kerana sifat pelancongan di negara ini adalah terbuka, tidak memfokuskan kepada golongan atau bangsa tertentu saja.

Bagaimanapun, persepsi itu perlu diubah kerana jenama boleh menarik perhatian terutama bagi mereka yang mahukan produk khusus termasuk pakej pelancongan memenuhi cita rasa dan keperluan apabila bercuti di negara asing dengan merujuk kepada pelancongan Islam.

Justeru, Dr. Haliza Abdul Rahman dari Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia mencadangkan supaya strategi dan pemasaran produk pelancongan Islam harus diberi perhatian yang sewajarnya jika Malaysia ingin mengungguli sebagai negara teratas dalam menawarkan dan menarik pelancong menikmati produk berteraskan pelancongan Islam ke negara ini.

Pada perkembangan sama, pemain industri dan bangsa usahawan yang mengintai peluang dan ruang dalam industri pelancongan harus mengambil perhatian terhadap perkembangan pelancongan Islam.

Lihat sahaja, bagaimana Qatar memanfaatkan Piala Dunia 2022 menjulang Islam dalam temasya sukan berprestij itu.

Bangsa usahawan juga perlu bijak dan sentiasa berfikiran kreatif untuk merebut peluang baharu dan sentiasa menang dalam pasaran. 



# MILLIONAIRE MARKETING MASTERCLASS

NOV 2022 – FEB 2023

[richworks.com/mmm](http://richworks.com/mmm)



# Best

**Business  
Evaluation  
Success  
Transformation**



## BISNES CHECK-UP:

- Duit koyak!
- Bisnes sakit
- Perniagaan sendiri tapi tak ada gaji
- Buat bisnes lagi tak ada masa, lebih baik bekerja!
- Sales macam banyak tapi tak tahu pergi mana
- Staf ramai tapi macam semua kena buat sendiri

<https://richworks.com/best>

PLATFORM **ZOOM**

# E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

**RICHWORKS®**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.